



**LEMBAGA KELAYAKAN PROFESION UNDANG-UNDANG MALAYSIA
(LEGAL PROFESSION QUALIFYING BOARD MALAYSIA)**

**EXAMINATION
FOR
THE CERTIFICATE IN LEGAL PRACTICE
(2023 SUPPLEMENTARY EXAMINATION)**

CRIMINAL PROCEDURE

Monday, 6 November 2023

Reading Time : 9.00 a.m. - 9.20 a.m.

Answering Time : 9.20 a.m. - 12.20 p.m.

-
- * THIS PAPER CONSISTS OF TWO (2) PARTS, 'A' AND 'B' .**
 - * YOU ARE REQUIRED TO ANSWER QUESTION 1 (ONE) IN PART 'A' WHICH IS COMPULSORY.**
 - * YOU ARE ALSO REQUIRED TO ANSWER THREE (3) QUESTIONS OUT OF SIX (6) QUESTIONS IN PART 'B'.**
 - * GIVE REASONS FOR YOUR ANSWERS.**
 - * RELEVANT CASES AND STATUTORY PROVISIONS MUST BE CITED IN ALL ANSWERS.**
-

REMINDER:

Pursuant to the announcement issued by the Legal Profession Qualifying Board Malaysia dated 14 June 2000 on the use of the national language in the Certificate in Legal Practice Examination, this examination paper is set in the English and national language. Candidates may answer questions **either** in the English or national language.

(This question paper has 7 questions printed on 8 pages)

PART A: COMPULSORY QUESTION**1. Candidate MUST answer this question**

While conducting surveillance, a sergeant from the police force and his team saw Bijan looking suspicious. The police team approached Bijan and introduced themselves as the police. Bijan kept mum when he was questioned as to whether he kept any incriminating item. Bijan then tried to run away but the police managed to stop him. After conducting a body search on Bijan, the police found a blue plastic package containing transparent plastic that contained clear solids suspected to be syabu. Bijan denied that the package was with him before the police conducted the search on him. He was brought to the nearest police station and handed to the investigating officer (IO) together with the items seized. As he was busy with other cases, the IO took five (5) days before proceeding to record the statements of witnesses.

Based on the above:

- (a) **Determine whether the search on Bijan was lawful.**
(7 marks)
- (b) **Explain the objective of the search.**
(5 marks)
- (c) **Determine whether the arrest was lawful.**
(8 marks)
- (d) **Explain whether there must be promptness in recording the statements of witnesses.**
(5 marks)

PART B: ANSWER ANY THREE (3) QUESTIONS**2. Answer ALL parts of this question which are separate and independent**

(a) **Distinguish between a seizable and non-seizable offence.**

(5 marks)

(b) In relation to the first information report (FIR), discuss the following:

(i) **Whether the failure to adduce the FIR at trial will trigger an adverse inference against the prosecution.**

(7 marks)

(ii) **Whether the accused is entitled to a copy of the FIR.**

(8 marks)

(c) **Explain the procedure for investigating a seizable offence.**

(5 marks)

3. Answer ALL parts of this question which are separate and independent

(a) **Distinguish between lateral transfer and vertical transfer of a criminal case.**

(3 marks)

(b) Putih was charged in the Kuala Lumpur Sessions Court (KLSC) with two (2) offences under section 420 of the Penal Code (KL cases). He was also charged in the Petaling Jaya Sessions Court (PJSC) with two (2) offences under paragraph 4(1)(a) of the Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001 (PJ cases). Before the PJSC, the learned Deputy Public Prosecutor (DPP) applied for the

transfer of the PJ cases to the KLSC on the grounds, *inter alia*, that: (i) the charges for the PJ cases originated from the KL cases where money recovered from the PJ cases had become the ‘subject matter’ in the KL cases; (ii) there was a connection between the KL cases and PJ cases, and a transfer was necessary for the purpose of a joint trial for all the charges; (iii) the offences were committed within the Klang Valley area and therefore, the accused’s interest would not be prejudiced if the cases were heard in the KLSC; and (iv) the charges involved the same witnesses and reference to the same documents and as such would save time and costs for all the parties. The learned Sessions Court Judge (SCJ) dismissed the learned DPP’s application on the ground that he could only transfer the PJ cases to the KLSC if the latter had jurisdiction over the PJ cases. The DPP subsequently made an application to the High Court in Malaya at Shah Alam for revision of the decision by the learned SCJ.

Based on the above and assuming that no local limits of jurisdiction have been assigned to the PJSC and KLSC:

- (i) **Advise the DPP whether the SCJ can transfer the PJ cases to the KLSC and whether the KLSC has jurisdiction to hear the PJ cases.**

(12 marks)

- (ii) **Examine whether the requirements for the transfer of the PJ cases to the KLSC have been met.**

(10 marks)

4. Answer ALL parts of this question which are separate and independent

- (a) The accused was charged under paragraph 17(b) of the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009. The charge concerned the accused bribing a police officer at the police station in Lubok China, Melaka, whose

bribe was in the sum of RM3000.00. The accused had been arrested by the police on suspicion of stealing buffaloes. At the police station, the accused was alleged to have bribed the investigating officer (IO) and such bribery was witnessed by another police officer. At the end of the trial, the learned Sessions Court Judge found the accused's story that he was framed by the IO and the police officer to be not credible and found that the prosecution had proved its case beyond reasonable doubt. The accused was accordingly convicted, against which conviction the accused now appeals. One of the grounds raised in the appeal is that the prosecution had failed to comply with section 51A of the Criminal Procedure Code (CPC) by not serving on the accused the charge sheet, arrest report and statement of the accused. Counsel for the accused contends that section 51A of the CPC is a mandatory provision and accordingly submits that the conviction and trial should be set aside.

Critically examine the counsel's submission that section 51A of the CPC is a mandatory provision.

(12 marks)

- (b) "Section 51 of the Criminal Procedure Code is a general provision to be invoked at any stage of an inquiry, investigation or trial or other proceeding under the Code."

Explain the statement above.

(10 marks)

- (c) **Explain whether the accused is entitled to a chemist report.**

(3 marks)

5. Answer ALL parts of this question

Halim Bad has been convicted by the Sessions Court Gua Musang, Kelantan, of an offence under section 372A of the Penal Code. He was sentenced to three (3) years imprisonment and two (2) strokes of whipping and a fine of RM20,000.00 and, in default of the fine, to a sentence of nine (9) months imprisonment. The defence counsel, Mr. Sree Lawan, representing Halim Bad, made an application to the Sessions Court Judge, Puan Sabrina, for a stay of execution of the sentence pending appeal against the said conviction and sentence to the High Court of Kota Bharu. The said application was rejected by the Sessions Court Judge without giving reasons.

As the defence counsel, advise Halim Bad on the following matters based on the provisions of the Criminal Procedure Code and relevant authorities:

- (a) **Since the application for a stay of execution of the sentence was rejected by the Sessions Court Judge, what would be the next step to be taken and what are the legal principles applicable to support such step?**

(10 marks)

- (b) **The time period required for the filing of the Notice of Appeal and Petition of Appeal.**

(5 marks)

- (c) **Briefly, what would be the content of the Notice of Appeal and Petition of Appeal which have to be filed to enable the learned High Court Judge to arrive at an appropriate decision?**

(10 marks)

6. **Answer ALL parts of this question which are separate and independent**

- (a) Mr. Anas, a Deputy Public Prosecutor who recently joined prosecutorial services in the Attorney General's Chambers, Putrajaya, wishes to know from you the law regulating the prosecution of an accused person in a criminal case regarding:
- (i) Open Court proceedings; and
 - (ii) "In Camera" proceedings.

Advise Mr. Anas on the relevant laws.

(10 marks)

- (b) The proviso to subsection 399(1) of the Criminal Procedure Code provides that "in any case in which the Public Prosecutor intends to give in evidence any such report he shall deliver a copy of it to the accused not less than ten clear days before the commencement of the trial". The said report is generally referred to as a report of an expert witness.

Having served the chemist report on the accused person within the time stipulated, the prosecution now wants to call upon the chemist to give oral testimony in court as well.

Advise Judge Suzana New whether the chemist could still give oral evidence when the chemist report had been served on the accused before the trial begins.

(15 marks)

7. **Answer ALL parts of this question which are separate and independent**

- (a) Song Lap was charged with an offence of Criminal Breach of Trust under section 409 of the Penal Code at the Sessions Court in Muar. Before the commencement of the trial, Song Lap applied to the High Court by way of a

Notice of Motion to strike out the charge against him on the ground that the charge against him disclosed an offence unknown in law. The High Court dismissed his application. He appealed to the Court of Appeal and his appeal was heard and dismissed.

Advise Song Lap whether he could appeal to the Federal Court.

(15 marks)

- (b) Based on the information supplied by one Ms. Ain, Inspector Ramu investigated Tom Kurus who was suspected of having committed a spate of robberies along Jalan Richmen, Kuala Lumpur. Tom Kurus has been charged with robbery under section 392 of the Penal Code.

During the trial, Tom Kurus' defence counsel, Mr. Sitham Garang, raised a preliminary objection stating that due to the non-existence of a written police report against Tom Kurus, the police had no right to investigate and Tom Kurus was entitled to an acquittal. Mr. Sitham Garang argued that the information provided that led to the arrest of Tom Kurus did not fulfil the requirement of the Criminal Procedure Code, and the victims themselves should lodge a police report in order to qualify the police to investigate.

Discuss the validity of the grounds raised by Tom Kurus' defence counsel during his trial.

(10 marks)

oOOo



**LEMBAGA KELAYAKAN PROFESION UNDANG-UNDANG MALAYSIA
(LEGAL PROFESSION QUALIFYING BOARD MALAYSIA)**

**PEPERIKSAAN
BAGI
SIJIL AMALAN GUAMAN
(PEPERIKSAAN TAMBAHAN 2023)**

PROSEDUR JENAYAH

Isnin, 6 November 2023

Masa Membaca : 9.00 pagi - 9.20 pagi

Masa Menjawab : 9.20 pagi - 12.20 tengah hari

-
- * KERTAS INI MENGANDUNGI DUA (2) BAHAGIAN, 'A' DAN 'B'.**
 - * ANDA DIKEHENDAKI MENJAWAB SOALAN 1 (SATU) DALAM BAHAGIAN 'A' YANG WAJIB.**
 - * ANDA JUGA DIKEHENDAKI MENJAWAB TIGA (3) SOALAN DARIPADA ENAM (6) SOALAN DALAM BAHAGIAN 'B'.**
 - * BERIKAN ALASAN BAGI JAWAPAN ANDA.**
 - * KES DAN PERUNTUKAN STATUTORI YANG BERKAITAN MESTILAH DISEBUTKAN DALAM SEMUA JAWAPAN.**
-

PERINGATAN:

Menurut pengumuman yang dikeluarkan oleh Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang Malaysia bertarikh 14 Jun 2000 mengenai penggunaan bahasa kebangsaan dalam Peperiksaan Sijil Amalan Guaman, kertas peperiksaan ini disediakan dalam bahasa Inggeris dan bahasa kebangsaan. Calon-calon boleh menjawab soalan-soalan **sama ada** dalam bahasa Inggeris atau bahasa kebangsaan.

(Kertas soalan ini mengandungi 7 soalan yang dicetak pada 9 muka surat)

BAHAGIAN A: SOALAN WAJIB**1. Calon MESTI menjawab soalan ini**

Semasa menjalankan pengawasan, seorang sarjan daripada pasukan polis dan pasukannya melihat Bijan yang kelihatan mencurigakan. Pasukan polis itu telah menghampiri Bijan dan memperkenalkan diri mereka sebagai polis. Bijan berdiam diri apabila dia ditanya sama ada dia ada menyimpan apa-apa item yang menunjukkan dia bersalah. Bijan kemudiannya cuba melarikan diri tetapi polis berjaya menghentikannya. Selepas menjalankan pemeriksaan tubuh ke atas Bijan, polis menjumpai suatu bungkusan plastik biru yang mengandungi plastik lutsinar yang di dalamnya mengandungi pepejal jernih yang disyaki syabu. Bijan menafikan bahawa bungkusan itu ada padanya sebelum polis menjalankan pemeriksaan ke atasnya. Dia telah dibawa ke balai polis yang berhampiran dan diserahkan kepada pegawai penyiasat (PP) bersama-sama item yang telah disita. Memandangkan beliau sibuk dengan kes-kes lain, PP telah mengambil masa lima (5) hari sebelum meneruskan rakaman pernyataan saksi-saksi.

Berdasarkan perkara di atas:

- (a) **Tentukan sama ada pemeriksaan ke atas Bijan adalah sah.**
(7 markah)
- (b) **Jelaskan tujuan pemeriksaan itu.**
(5 markah)
- (c) **Tentukan sama ada penangkapan itu adalah sah.**
(8 markah)
- (d) **Jelaskan sama ada perlu ada kesegeraan dalam merakam pernyataan saksi-saksi.**
(5 markah)

BAHAGIAN B: JAWAB MANA-MANA TIGA (3) SOALAN**2. Jawab SEMUA bahagian soalan ini yang berasingan dan tidak berkaitan antara satu sama lain**

(a) **Bezakan antara kesalahan boleh tangkap dengan kesalahan tidak boleh tangkap.**

(5 markah)

(b) Berhubung dengan laporan maklumat pertama (LMP), bincangkan yang berikut:

(i) **Sama ada kegagalan mengemukakan LMP semasa perbicaraan akan menyebabkan inferens yang menentang terhadap pihak pendakwa.**

(7 markah)

(ii) **Sama ada tertuduh berhak kepada salinan LMP.**

(8 markah)

(c) **Jelaskan prosedur untuk menyiasat kesalahan boleh tangkap.**

(5 markah)

3. Jawab SEMUA bahagian soalan ini yang berasingan dan tidak berkaitan antara satu sama lain

(a) **Bezakan antara pemindahan mendatar dengan pemindahan menegak bagi kes jenayah.**

(3 markah)

- (b) Putih telah dipertuduh di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur (MSKL) dengan dua (2) kesalahan di bawah seksyen 420 Kanun Keseksaan (kes-kes KL). Dia juga telah dipertuduh di Mahkamah Sesyen Petaling Jaya (MSPJ) dengan dua (2) kesalahan di bawah perenggan 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (kes-kes PJ). Di hadapan MSPJ, Timbalan Pendakwa Raya (TPR) yang bijaksana memohon supaya kes-kes PJ dipindahkan ke MSKL atas alasan, antara lain, bahawa: (i) pertuduhan-pertuduhan bagi kes-kes PJ yang berpunca daripada kes-kes KL yang wang yang didapatkan balik daripada kes-kes PJ telah menjadi 'hal perkara' dalam kes-kes KL; (ii) terdapat perkaitan antara kes-kes KL dengan kes-kes PJ, dan pemindahan adalah perlu bagi maksud perbicaraan bersesama bagi kesemua pertuduhan itu; (iii) kesalahan-kesalahan itu telah dilakukan di dalam kawasan Lembah Klang dan oleh yang demikian, kepentingan tertuduh tidak akan terjejas jika kes-kes itu didengar di MSKL; dan (iv) pertuduhan-pertuduhan itu melibatkan saksi-saksi yang sama dan rujukan kepada dokumen-dokumen yang sama dan yang sedemikian akan menjimatkan masa dan kos semua pihak. Hakim Mahkamah Sesyen (HMS) yang bijaksana telah menolak permohonan TPR yang bijaksana atas alasan bahawa beliau hanya boleh memindahkan kes-kes PJ ke MSKL sekiranya MSKL mempunyai bidang kuasa ke atas kes-kes PJ. TPR kemudiannya telah membuat permohonan ke Mahkamah Tinggi di Malaya di Shah Alam bagi penyemakan keputusan HMS yang bijaksana itu.

Berdasarkan perkara di atas dan andaikan bahawa tiada had bidang kuasa tempatan ditetapkan bagi MSPJ dan MSKL:

- (i) **Berikan nasihat kepada TPR sama ada HMS boleh memindahkan kes-kes PJ ke MSKL dan sama ada MSKL mempunyai bidang kuasa untuk mendengar kes-kes PJ.**

(12 markah)

- (ii) **Kaji sama ada kehendak bagi pemindahan kes-kes PJ ke MSKL telah dipenuhi.**

(10 marks)

4. Jawab SEMUA bahagian soalan ini yang berasingan dan tidak berkaitan antara satu sama lain

- (a) Tertuduh telah dipertuduh di bawah perenggan 17(b) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009. Pertuduhan itu adalah berkenaan dengan tertuduh yang menyogok seorang pegawai polis di balai polis di Lubok China, Melaka, yang sogokannya adalah dalam jumlah RM3000.00. Tertuduh telah ditangkap oleh polis kerana disyaki mencuri kerbau. Di balai polis, tertuduh dikatakan telah menyogok pegawai penyiasat (PP) dan penyogokan itu telah disaksikan oleh seorang pegawai polis yang lain. Pada akhir perbicaraan, Hakim Mahkamah Sesyen yang bijaksana telah mendapati cerita tertuduh yang dia telah diperangkap oleh PP dan pegawai polis itu tidak boleh dipercayai dan mendapati bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan kesnya tanpa keraguan yang munasabah. Tertuduh kemudiannya telah disabitkan, yang terhadap sabitan itu rayuan kini dibuat oleh tertuduh. Salah satu daripada alasan yang dibangkitkan dalam rayuan itu adalah bahawa pihak pendakwaan telah gagal mematuhi seksyen 51A Kanun Tatacara Jenayah (KTJ) dengan tidak menyampaikan kertas pertuduhan, laporan penangkapan dan pernyataan tertuduh kepada tertuduh. Peguam tertuduh menegaskan bahawa seksyen 51A KTJ ialah peruntukan mandatori dan seterusnya berhujah bahawa sabitan dan perbicaraan itu sepatutnya diketepikan.

Kaji secara kritis hujahan peguam bahawa seksyen 51A KTJ ialah peruntukan mandatori.

(12 markah)

- (b) “Seksyen 51 Kanun Tatacara Jenayah ialah suatu peruntukan am yang hendaklah digunakan pada mana-mana peringkat sesuatu siasatan, penyiasatan atau perbicaraan atau prosiding lain di bawah Kanun itu.”

Jelaskan pernyataan di atas.

(10 markah)

- (c) **Jelaskan sama ada tertuduh berhak kepada laporan kimia.**

(3 markah)

5. Jawab SEMUA bahagian soalan ini

Halim Bad telah disabitkan oleh Mahkamah Sesyen Gua Musang, Kelantan, atas suatu kesalahan di bawah seksyen 372A Kanun Keseksaan. Dia telah dijatuhi hukuman tiga (3) tahun pemenjaraan dan dua (2) sebatan sebat dan denda sebanyak RM20,000.00 dan, jika ingkar membayar denda itu, dijatuhi hukuman sembilan (9) bulan pemenjaraan. Peguam bela, En. Sree Lawan, yang mewakili Halim Bad, telah membuat permohonan kepada Hakim Mahkamah Sesyen, Puan Sabrina, bagi suatu penggantungan pelaksanaan hukuman itu sementara menanti rayuan terhadap sabitan dan hukuman tersebut di Mahkamah Tinggi Kota Bharu. Permohonan tersebut telah ditolak oleh Hakim Mahkamah Sesyen tanpa diberikan alasan.

Sebagai peguam bela, berikan nasihat kepada Halim Bad mengenai perkara yang berikut berdasarkan peruntukan Kanun Tatacara Jenayah dan autoriti yang berkaitan:

- (a) **Memandangkan permohonan bagi penggantungan pelaksanaan hukuman telah ditolak oleh Hakim Mahkamah Sesyen, apakah langkah seterusnya yang hendaklah diambil dan apakah prinsip undang-undang yang terpakai untuk menyokong langkah sedemikian?**

(10 markah)

- (b) **Tempoh masa yang dikehendaki untuk memfailkan Notis Rayuan dan Petisyen Rayuan.**

(5 markah)

- (c) **Secara ringkasnya, apakah kandungan Notis Rayuan dan Petisyen Rayuan yang hendaklah difailkan untuk membolehkan Hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana mencapai suatu keputusan yang sewajarnya?**

(10 markah)

6. Jawab SEMUA bahagian soalan ini yang berasingan dan tidak berkaitan antara satu sama lain

- (a) En. Anas, seorang Timbalan Pendakwa Raya yang baru sahaja menyertai perkhidmatan pendakwaan di Jabatan Peguam Negara, Putrajaya, berhasrat untuk mengetahui daripada anda mengenai undang-undang yang mengawal selia pendakwaan seseorang tertuduh dalam suatu kes jenayah berkenaan dengan:

(i) Prosiding Mahkamah Terbuka; dan

(ii) Prosiding ‘Secara Tertutup’.

Berikan nasihat kepada En. Anas mengenai undang-undang yang berkaitan.

(10 markah)

- (b) Proviso kepada subseksyen 399(1) Kanun Tatacara Jenayah memperuntukkan bahawa “dalam apa-apa kes yang Pendakwa Raya berniat untuk memberikan mana-mana laporan itu sebagai keterangan, dia hendaklah menyerahkan suatu salinan laporan itu kepada tertuduh tidak

kurang daripada sepuluh hari genap sebelum permulaan perbicaraan itu”. Laporan tersebut secara amnya disebut sebagai laporan saksi pakar.

Setelah laporan kimia disampaikan kepada orang tertuduh dalam masa yang ditetapkan, pihak pendakwaan kini ingin turut memanggil ahli kimia itu untuk memberikan testimoni lisan di mahkamah.

Berikan nasihat kepada Hakim Suzana New sama ada ahli kimia itu masih boleh memberikan keterangan lisan apabila laporan kimia telah disampaikan kepada tertuduh sebelum perbicaraan bermula.

(15 markah)

7. Jawab SEMUA bahagian soalan ini yang berasingan dan tidak berkaitan antara satu sama lain

- (a) Song Lap telah dipertuduh atas suatu kesalahan Pecah Amanah Jenayah di bawah seksyen 409 Kanun Keseksaan di Mahkamah Sesyen di Muar. Sebelum permulaan perbicaraan, Song Lap telah memohon kepada Mahkamah Tinggi melalui Notis Usul untuk membatalkan pertuduhan terhadapnya atas alasan bahawa pertuduhan terhadapnya itu menzahirkan suatu kesalahan yang tidak diketahui di sisi undang-undang. Mahkamah Tinggi telah menolak permohonannya. Dia merayu ke Mahkamah Rayuan dan rayuannya telah didengar dan ditolak.

Berikan nasihat kepada Song Lap sama ada dia boleh merayu ke Mahkamah Persekutuan.

(15 markah)

- (b) Berdasarkan maklumat yang diberikan oleh seorang Cik Ain, Inspektor Ramu telah menyiasat Tom Kurus yang disyaki telah melakukan rompakan bersiri di sepanjang Jalan Richmen, Kuala Lumpur. Tom Kurus telah dipertuduh merompak di bawah seksyen 392 Kanun Keseksaan.

Semasa perbincangan, peguam bela Tom Kurus, En. Sitham Garang, telah membangkitkan bantahan awal yang menyatakan bahawa oleh sebab ketiadaan laporan polis bertulis terhadap Tom Kurus, polis tiada hak untuk menyiasat dan Tom Kurus berhak untuk dibebaskan. En. Sitham Garang berhujah bahawa maklumat yang diberikan yang membawa kepada penangkapan Tom Kurus tidak memenuhi kehendak Kanun Tatacara Jenayah, dan mangsa-mangsa itu sendiri sepatutnya membuat laporan polis untuk melayakkan polis untuk menyiasat.

Bincangkan kesahan alasan yang dibangkitkan oleh peguam bela Tom Kurus semasa perbicaraannya.

(10 markah)

oOOo